

# Ismail Abdullah Kekal Jawatan YDP MPSM Labuan



**Labuan, 12 Sept** – Encik Ismail bin Abdullah berjaya mengekalkan jawatan sebagai Yang DiPertua(YDP) Majlis Pengetua Sekolah Menengah (MPSM) Cawangan W.P. Labuan buat kali kedua berturut-turut. Pemilihan yang turut melibatkan jawatankuasa tertinggi bagi tempoh 2020-2022 telah dibuat dalam Mesyuarat Agung MPSM pada Khamis lalu.

Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, Puan Khaziyati Osman telah hadir merasmikan Mesyuarat Agung yang dibuat di salah sebuah hotel di pusat bandar.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan ucapan terima kasih atas usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh semua pengetua di wilayah ini bagi memastikan kualiti sekolah berada pada tahap yang membanggakan.

Beliau turut menekan kepada prinsip kerja OBEDIENT (Outcome based, Believe, Efficient, Data driven, Innovative and creative, Effective, Now, Thinker) untuk diamalkan bagi memacu pendidikan di wilayah ini jauh ke

hadapan.

*"Kita mesti berusaha memastikan kehadiran murid ke sekolah kekal tinggi terutamanya murid-murid tingkatan 5. Kita juga perlu pastikan tiada murid yang mengalami defisit pembelajaran untuk menjamin peningkatan prestasi terutamanya dalam peperiksaan SPM tahun ini" katanya lagi.*



Pengarah Pendidikan, Puan Khaziyati Osman merasmikan Mesyuarat agung MPSM

Terdahulu, Encik Ismail selaku YDP MPSM telah menyatakan sokongan padu kepada barisan kepimpinan pendidikan dan berharap dapat terus bekerjasama demi kemenjadian anak-anak di Labuan.

Pemilihan jawatankuasa tertinggi telah dilaksanakan secara tertib melibatkan semua pengetua sekolah menengah termasuk pengetua SM Sains Labuan dan Pengarah Kolej Vokasional Labuan. Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Encik Yusup bin Mohamad telah bertindak sebagai pemerhati kepada proses pemilihan yang telah dijalankan.

Jawatan Timbalan YDP telah dimenangi oleh Encik Mohd Nizam bin Yasim yang juga pengetua SMK Mutiara. Sementara itu jawatan Setiausaha Kehormat disandang oleh Pengetua SM St. Anne, Puan Mary Anita Abah manakala Puan Norazita binti Mohd Nor sebulat suara dipilih sebagai bendahari.

Turut hadir di dalam mesyuarat agung tersebut ialah Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad.

**Berita Oleh : MPSM Labuan**



Penyerahan Nota Serah Tugas TYDP daripada Encik Jamatin bin Abdul Latif kepada Encik Mohd Nizam



Penyerahan Nota Serah Tugas Setiausaha Kehormat daripada Puan Dona Unduh kepada Puan Mary Anita Abah



MPSM W.P Labuan bergambar kenangan bersama Pengarah Pendidikan

---

# **Cikgu Noor Hasimah Guru Pertama Sempurnakan Kursus Induksi Kurikulum Bahasa Inggeris CEFR 2020**



Labuan – Jabatan Pendidikan W.P Labuan telah menyampaikan sijil penghargaan kepada Cikgu Noor Hasimah binti Mohd Ayub, guru Bahasa Inggeris di SMK Mutiara atas pencapaian cemerlang beliau menjadi guru pertama di wilayah ini menyempurnakan Online Curriculum Induction Training 2020 yang dianjurkan oleh Cambridge Assessment English (CE) dan KPM.

Kursus secara atas talian ini diadakan untuk melatih seramai 15,000 guru-guru Bahasa Inggeris seluruh Malaysia menggunakan kurikulum baru CEFR bagi subjek Bahasa Inggeris Tahun 5, Tahun 6 dan Tingkatan 5.

Kursus berkenaan sebelum ini dilaksanakan secara

bersemuka tetapi telah diubah kepada kursus secara atas talian akibat pandemik Covid 19. Setiap peserta perlu melengkapkan 9 modul latihan yang mengambil masa 25 jam untuk dilengkapkan bermula 24 Ogos sehingga 11 September 2020.

Menurut Cikgu Noor Hasimah, beliau telah memperuntukkan lebih kurang 10-12 jam sehari selepas sesi persekolahan untuk menyiapkan sebahagian modul dan berjaya menyiapkan tugasan kursus dalam masa 2 hari daripada 2 minggu yang telah peruntukan oleh penganjur. Beliau menjadi guru pertama di Labuan yang menyempurnakan kursus tersebut daripada 40 peserta di peringkat negeri. Di peringkat nasional beliau adalah individu ke-47 daripada 15,000 guru yang berjaya menyiapkan kursus tersebut.

Pengetua SMK Mutiara turut berbangga atas pencapaian ini merakamkan ucapan tahniah kepada Cikgu Hasimah atas semangat dan kesungguhan beliau dalam meningkatkan pengetahuan dan kompetensi sebagai seorang guru.

Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Puan Khaziyati Osman dalam majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Pendidikan pada Selasa lalu.

**Berita oleh : SMK Mutiara**

---

## **SMK Mutiara Adakan Taklimat Pelaksanaan Aktiviti Sukan**

# dan Ko Kurikulum Dalam Tempoh PKP



**Labuan, 6 Sept** – Langkah kerajaan melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020 telah memberi impak kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembelajaran murid-murid sekolah termasuklah aktiviti sukan dan Kokurikulum.

Walau bagaimanapun, mulai 1 September 2020, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memberi kebenaran kepada sekolah-sekolah untuk melaksanakan aktiviti sukan dan Kokurikulum dengan mematuhi SOP yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Terdahulu, pihak Jabatan Pendidikan W.P. Labuan telah membuat taklimat berkaitan perkara ini kepada Penolong-penolong Kanan Kokurikulum pada hari Isnin lalu.

Bagi memastikan perkara ini dilaksanakan dengan berkesan dan mematuhi garis panduan yang disediakan, SMK Mutiara telah melaksanakan penerangan dan kefahaman berkaitan prosedur pelaksanaan aktiviti sukan dan kokurikulum

kepada semua guru pada Khamis lalu.

Taklimat di Dewan Semarak telah disampaikan oleh Penolong Kanan Kokurikulum SMK Mutiara, Encik Jostelen Lamibai. Beliau telah menekankan aspek penjarakan fizikal, kebersihan dan keselamatan dalam pelaksanaan aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka.

*“Kebenaran ibubapa diperlukan sebelum aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan terutamanya murid-murid yang berisiko dan mempunyai imuniti badan yang rendah. Guru-guru juga perlu menyebarluas prosedur dan panduan pelaksanaan aktiviti supaya mudah dirujuk oleh murid, guru dan ibubapa” tambahnya lagi.*



Encik Jostelen menyampaikan penerangan mengenai aktiviti sukan dan kokurikulum kepada guru-guru SMK Mutiara Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim menyifatkan kebenaran aktiviti amali luar bilik darjah secara bersemuka termasuk aktiviti Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJK) telah memberi ruang kepada murid-murid untuk mengembalikan tahap kecergasan setelah berehat selama 5 bulan.

*“Pihak sekolah berharap agar semua pihak dapat memberi*

*kerjasama padu bagi menjayakan agenda pendidikan nasional secara bersungguh-sungguh. Guru-guru perlu merancang aktiviti mengikut kesesuaian tempat dengan mengambilkira penjaraikan fizikal” tegas beliau lagi.*

Turut hadir dalam sesi taklimat ini ialah Penolong Kanan Pentadbiran, Puan Siti Aminah binti Zakaria, Penolong Kanan HEM, Encik Hisyam bin Abdul Aziz dan Penolong Kanan PPKI, Puan Roslaniah binti Zainal.

**Berita Oleh : SMK Mutiara**



Guru-guru yang hadir sedang mendengar taklimat mengenai pelaksanaan sukan dan ko kurikulum dalam tempoh PKPP

---

## **Sektor Pembelajaran Meraih Beberapa Pingat Emas dan**

# Pingat Perak Dalam 5th CAIELTS 2020



The 5<sup>th</sup> Creativity and Innovation Exhibition and Language Teaching Seminar (5<sup>th</sup> CAIELTS 2020) yang berlangsung pada 08 Ogos 2020 secara maya, anjuran Persatuan Penyelidikan, Inovasi, dan Kreativiti Labuan (Labuan Research, Innovation and Creativity Society – LaRIS) telah menampilkan tujuh pegawai Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan berkongsi dapatan kajian dengan jayanya.

Unit Bahasa menghantar tiga penyertaan untuk seminar pengajaran bahasa – dua individu dan satu berkumpulan. Hjh Siti Zahara binti Mohammad telah membentangkan kertas konsep bertajuk “Pemetaan DSKP dan item” manakala Dr.

Hyginus Lester berkongsi kertas konsep “Integrasi Tonggak Pedagogi, Alat PAK21, dan SKPMg2 S4: Satu Syor Model PdPc”. Kedua-dua pembentang meraih pingat emas. Turut meraih pingat emas ialah pembentangan berkumpulan yang dianggotai oleh Puan Amiah binti Bua dan Dr. Hyginus Lester bertajuk “Adopting and adapting the ‘new normal’ in ELT during MCO”.

Pasukan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) pula membentangkan dapatan “Penggunaan DSKP dalam kalangan guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Labuan”. Pasukan yang terdiri daripada Encik Pgn Abdul Kadir Pgn Budin, Puan Arni Samiraty Abdol Samat, Cik Juraidah Aman, Cik Suriani Alland Rice Oxley, dan Dr. Hyginus Lester meraih pingat perak.

5<sup>th</sup> CAIELTS 2020 peringkat antarabangsa ini disertai oleh 129 orang termasuk pembentang fitur (featured speakers), antaranya Professor Madya Dr. Jonathan Newton (Pengarah MA in TESOL, Victoria University of Wellington, New Zealand), YBhg To' Puan Nurul Izatee Md Yusoff (Ketua Pegawai Eksekutif Institut Darul Naim), Dr. Mohamad Ramon Dasuki (Dekan, Fakulti Sastra, Universitas Pamulang, Indonesia), Dr. Dewi Indrani Anggraini (Dosen, Universitas Pamulang, Indonesia), Darshini Nadarajan (University of Oxford), Angelicia Anthony Thane (Victoria University of Wellington), Rocky Michael Tandi (Francis School, Indonesia), dan Eka Margianti Sagimin (Universitas Pamulang, Indonesia).

Juri 5<sup>th</sup> CAIELTS 2020 pula adalah Encik Goh Kok Ming (Top 5 Cikgu Juara Digital MDEC dan MIE Expert), Puan Chin Tsuey Wei (mantan SISC+), Dr. Tam Suet Yet (Wellington, New Zealand), Puan Joscey Joseph @ Linda (pensyarah), dan Cik Suriani Alland Rice Oxley (Tokoh Inovasi Labuan).

Pembentang 5<sup>th</sup> CAIELTS 2020 dari Sektor Pembelajaran

merakamkan penghargaan kepada Encik Yusup bin Hj Mohamad, Timbalan Pengarah Pembelajaran atas sokongan moral yang telah diberikan. Mereka juga turut mengucapkan terima kasih kepada Puan Khaziyati Osman, Pengarah Pendidikan Labuan kerana sentiasa menggalakkan warga jabatan untuk terus berkecimpung dalam penyelidikan dan inovasi.



---

# **Perkukuh Jalinan Kerjasama DI Antara JPWPL Dan MAIWP**



**Labuan, 26 Ogos** – Lawatan Kerja Rasmi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ke Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) bertempat di Sektor Sumber Pendidikan Negeri (SSTP) yang julung kali diadakan kelmarin telah mencapai kata sepakat yang jelas terhadap kesiapsiagaan pendaftaran SMA MAIWP sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang pertama di wilayah ini.

Lawatan Kerja Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan seramai 10 ahli rombongan telah diketuai oleh Timbalan Pengurus Bahagian Pembangunan Insan, Wan Maizatun Binti Wan Hassan. Turut hadir Pengetua Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur, Tuan Nurul Amali Bin Shamsuddin, Pengetua Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) MAIWP, Tn Wan Jamaludin Bin Wan Bidin, Ketua Unit Pendidikan Menengah, Bahagian Pembangunan Insan, Abdul Halim Bin Sulaiman.

Hadir sama dalam sesi lawatan kerja tersebut ialah

Pengurus MAIWP Labuan (MAIWPL) iaitu Ahmad Saifuddin bin Hj Md. Tahir, Pengetua SMA MAIWP , Mohd Hasnizan Bin Hasin serta pegawai-pegawai daripada MAIWPL. Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Encik Yusup Bin Hj Mohamad, Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid Encik Abdul Rahman Bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Kamariah Binti Salim selaku urusetia lawatan, Ketua-ketua penolong pengarah dan penolong-penolong pengarah.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Khaziyati binti Osman mengalu-alukan semua ahli rombongan ke pulau yang indah ini untuk Lawatan Kerja Rasmi Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ke Jabatan Pendidikan W.P.Labuan dan melahirkan rasa syukur di atas usaha yang bersungguh-sungguh pihak MAIWP untuk pendaftaran SMA MAIWP sebagai SABK.

“Saya difahamkan Lawatan Kerja Rasmi, Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada petang ini adalah untuk membincangkan berkaitan SMA MAIWP Labuan. Semoga urusan pendaftaran sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dapat direalisasikan. Ia merupakan satu usaha murni kerajaan untuk membantu dan memperkasakan sekolah – sekolah agama di Malaysia khususnya di W.P.Labuan. Ini merupakan peluang yang sangat berharga bagi kecemerlangan pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.” katanya.

Menurutnya lagi, bagi memenuhi permintaan komuniti setempat terhadap pendidikan agama. Terdapat 3 buah sekolah yang menawarkan Kelas Aliran Agama (KAA) di iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara untuk tingkatan 1 hingga 5 dengan jumlah pelajar seramai 162 orang, KAA di SMK Rancha-Rancha untuk tingkatan 1 hingga 3 dengan jumlah pelajar seramai 66 orang dan KAA di SMK Taman Perumahan Bedaun untuk tingkatan 1 hingga 3 dengan jumlah

pelajar seramai 58 orang.

Kini, JPWPL dalam proses merangka pemusatan Kelas Aliran Agama di sebuah sekolah menengah agar perlaksanaan kelas aliran agama lebih teratur dan sistematik. Pelan jangka panjang pemusatan ini sehingga 2023.

Timbalan Pengurus Bahagian Pembangunan Insan MAIWP, Wan Maizatun Binti Wan Hassan turut merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Puan Khaziyati sebagai Pengarah JPWPL yang baharu.

“Alhamdulillah, kami di Bahagian Pembangunan Insan MAWIP amat berbesar hati di atas lawatan mesra kali pertama di JPWPL dan berdoa agar lawatan kerja ini dapat mengukuhkan lagi jalinan kerjasama yang lebih erat di antara MAWIP dengan JPWPL. Mesej utama dalam lawatan ini adalah berkaitan halatuju dan masa hadapan SMA MAIWP menjadi SABK”. Katanya.

Menurutnya lagi, SMA MAIWP Labuan telah beroperasi selama 10 tahun dengan cemerlang. Kini, pihak MAIWP telah bersedia untuk menyerahkan SMA MAIWP kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya dari segi kepakaran pendidikan.

Pengoperasian SMA MAIWP Labuan bermula 15 Januari 2011. Ia merupakan tanda keperihatinan kerajaan dalam memenuhi hala tuju pendidikan Sekolah Rendah Agama Islam di Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak ke peringkat yang lebih tinggi. SMA MAIWP Labuan merupakan cawangan SMA MAIWP Kuala Lumpur yang telah diwujudkan sejak tahun 2007. SMA MAIWP Labuan berorientasikan Sekolah Menengah Berasrama Penuh Aliran Agama yang pertama di Wilayah Persekutuan Labuan di mana semua pelajar perlu tinggal di asrama yang dikendalikan di Darul Kifayah.

Dalam sesi lawatan tersebut turut diadakan perkongsian pengoperasian SMA MAIWP Kuala Lumpur yang disampaikan

oleh pengetuanya Tuan Nurul Amali Bin Shamsuddin. Manakala perkongsian pengoperasian SMA Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz, Kuala Lumpur (SMISTA) disampaikan oleh Tuan Wan Jamaludin Bin Wan Bidin.



Khaziyati binti Osman (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kenangan kepada Wan Maizatun binti Wan Hassan (tengah). Turut sama Yusup Hj Mohamad (kiri), Ahmad Saifuddin bin Hj Md. Tahir (dua dari kanan), Tn Wan Jamaludin Bin Wan Bidin (kanan).



Kamariah binti Salim sedang mengajukan soalan berkaitan pengoperasian SABK semasa sesi dialog bersama MAIWP.

---

# Guru SMK Mutiara Dapat Bimbingan Deskripsi Tugas Melalui egHRMIS



Labuan- Seramai lebih 50 guru SMK Mutiara telah menerima taklimat dan bimbingan secara langsung berkaitan pengisian Deskripsi Tugas (Job Description) melalui platform egHRMIS secara online pada Rabu lalu.

Bimbingan yang diadakan di bilik mesyuarat SMK Mutiara

telah dipimpin oleh Encik Azreyn bin Haji Mamma, pegawai daripada Sektor Sumber Manusia, Jabatan Pendidikan W.P Labuan.

Menurut pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim, bengkel tersebut diadakan bagi memudahkan guru-guru membuat pengisian Deskripsi Tugas masing-masing di dalam platform HRMIS. Pengisian JD ini adalah keperluan baharu sebagai alternatif kepada penggunaan myPortfolio yang dibuat secara manual.

"Penggunaan HRMIS sebagai platform pengurusan kerajaan telah memasuki era pendigitalan secara menyeluruh secara berperingkat. Setiap guru sebagai Pemilik Kompetensi (CO) perlu menyenggara dan memastikan maklumat dan data berkaitan diri, perkhidmatan dan tugas masing-masing perlu sentiasa kemaskini dan mudah diakses pada masa yang diperlukan" ujarnya lagi.

Fasilitator bengkel, Encik Azryen menyifatkan inisiatif pihak sekolah ini adalah langkah proaktif khususnya dalam memberi kefahaman secara lebih mendalam kepada guru-guru berkaitan perkara ini.



“Bengkel ini diadakan secara ‘hands on’ bagi memberi kefahaman yang jitu kepada pemilik-pemilik kompetensi (CO) dalam mengurus HRMIS masing-masing. Guru-guru juga mendapat panduan yang lebih jelas bagi memastikan aspek-aspek teknikal pengisian dapat dibuat dengan betul” kata beliau lagi.

Guru-guru yang hadir telah melahirkan rasa puashati dengan bimbingan yang telah diberikan malah ada dalam kalangan mereka berjaya menyiapkan pengisian JD masing-masing dalam tempoh 2 jam bengkel berlangsung.

Di akhir bengkel, pihak sekolah telah menyampaikan sijil penghargaan kepada Encik Azreyn dan Jabatan Pendidikan W.P Labuan. Sijil-sijil telah disampaikan oleh pengetua sekolah.

Turut hadir di dalam bengkel tersebut ialah penolong-penolong kanan dan guru-guru kanan mata pelajaran.

